

# Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu Emas: Surah Al-Baqarah (2: 51-57)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu Emas: Surah Al-Baqarah (2: 51-57)" in *Program Budaya al-Quran* pada 06 29hb. Disember 2018 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-19.

## Abstract

Peristiwa penyembahan anak lembu merupakan peristiwa yang besar penyembahan berhala yang pernah berlaku kepada kaum Bani Israil. Justeru, Allah SWT menceritakan kisah tersebut buat pengajaran kepada umat manusia bahawa tidak ada tuhan yang sebenarnya layak untuk disembah selain Allah satu-satunya. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 51-57) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat enam pengajaran penting yang boleh diambil hasil daripada perbincangan ayat dan tafsirannya. Pengajaran tersebut ialah sifat Yahudi yang sangat mudah kufur kepada Tuhan, dosa penyembahan berhala merupakan dosa yang besar, perintah Allah SWT memberikan kebaikan kepada umat manusia, zat Allah SWT tidak boleh dilihat di dunia, pemberian nikmat yang banyak belum tentu menjamin keimanan seseorang, serta al-Kam'at dan al-Ajwa merupakan anugerah Allah SWT untuk merawat penyakit mata dan keracunan. Kata Kunci: Anak lembu, berhala, perintah Allah, zat Allah, al-Manna, al-Salwa, al-Kam'at, dan Ajwa

## References

- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 50-57)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-48)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

# KAUM BANI ISRAIL DAN PERISTIWA ANAK LEMBU EMAS: SURAH AL-BAQARAH (2: 51-57) \*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Abstrak

Peristiwa penyembahan anak lembu merupakan peristiwa yang besar penyembahan berhala yang pernah berlaku kepada kaum Bani Israil. Justeru, Allah SWT menceritakan kisah tersebut buat pengajaran kepada umat manusia bahawa tidak ada tuhan yang sebenarnya layak untuk disembah selain Allah satu-satunya. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 51-57) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat enam pengajaran penting yang boleh diambil hasil daripada perbincangan ayat dan tafsirannya. Pengajaran tersebut ialah sifat Yahudi yang sangat mudah kufur kepada Tuhan, dosa penyembahan berhala merupakan dosa yang besar, perintah Allah SWT memberikan kebaikan kepada umat manusia, zat Allah SWT tidak boleh dilihat di dunia, pemberian nikmat yang banyak belum tentu menjamin keimanan seseorang, serta al-Kam'at dan al-Ajwa merupakan anugerah Allah SWT untuk merawat penyakit mata dan keracunan.

Kata Kunci: Anak lembu, berhala, perintah Allah, zat Allah, al-Manna, al-Salwa, al-Kam'at, dan Ajwa

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذْ وَعَدْنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٥١﴾ ثُمَّ عَفَوْنَا  
عَنْكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذْ آتَيْنَا مُوسَىٰ الْكِتَابَ وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ  
تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾ وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَقَوْمِ ۖ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنْفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجْلَ فَتُوبُوا إِلَىٰ  
بَارِيكُمْ فَاقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ عِنْدَ بَارِيكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۚ إِنَّهُ هُوَ  
التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾ وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَىٰ اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ  
الصَّاعِقَةُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾ ثُمَّ بَعَثْنَاكُمْ مِنْ بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾ وَظَلَّلْنَا  
عَلَيْكُمْ الْغَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّاءَ وَالسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَمَا ظَلَمُونَا  
وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾

Maksud: Dan (kenangkanlah) ketika kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah ia bersiap selama) empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu, dan kamu sebenarnya orang yang zalim (terhadap diri sendiri). (51) Kemudian sesudah itu kami maafkan kesalahan kamu, supaya kamu bersyukur. (52) Dan

\* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 06hb. Disember 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

(kenangkanlah) ketika Kami turunkan kepada Nabi Musa kitab (Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung di dalamnya, yang membezakan antara yang benar dengan yang salah), supaya kamu mendapat petunjuk. (53) Dan (kenangkanlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya, "Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu; iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani". (54) Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata, "Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami)". Maka kerana itu kamu disambar petir, sedang kamu semua melihatnya. (55) Kemudian kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau pengan dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur. (56) Dan Kami menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa", (serta Kami berfirman), "Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri. (57)

(Surah al-Baqarah, 2: 51-57)

## PENGENALAN

Setelah Allah SWT menceritakan beberapa keutamaan dan kelebihan Bani Israil (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2018b), Allah SWT mula menceritakan pula ujian yang ditimpakan oleh Allah SWT kepada sebahagian daripada kaum Bani Israil akibat kedegilan mereka sendiri (Jasmi, 2018a; Al-Sabuni, 1981). Sebagai ingatan bahawa segala terjemahan dalam kertas kerja ini menggunakan terjemahan Abdullah Basmeih (1999), iaitu tafsir al-Quran Pimpinan al-Rahman terbitan Jabatan Perdana Menteri.

## TAFSIRAN AYAT

Tafsiran ayat dalam bahagian ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 51-53), surah *al-Baqarah* (2: 54), surah *al-Baqarah* (2: 55-56), dan surah *al-Baqarah* (2: 57).

### Surah *al-Baqarah* (2: 51-53)

Tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 51-53) adalah menyentuh tentang peristiwa Nabi Musa dijemput oleh Allah SWT untuk menerima kitab Taurat selama 40 malam. Sekembalinya baginda AS, kaum bani Israil yang ditinggalkan oleh baginda Musa AS didapati menyembah berhala anak lembu. Kisah ini diceritakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَإِذْ وَعَدْنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِن بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٥١﴾ ثُمَّ  
عَفَوْنَا عَنْكُمْ مِّن بَعْدِ ذَلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذْ آتَيْنَا مُوسَىٰ الْكِتَابَ  
وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾

Maksud: Dan (kenangkanlah) ketika kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah ia bersiap selama) empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu, dan kamu sebenarnya orang yang zalim (terhadap diri sendiri). (51) Kemudian sesudah itu kami maafkan kesalahan kamu, supaya kamu bersyukur. (52) Dan (kenangkanlah) ketika Kami turunkan kepada Nabi Musa kitab

(Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung di dalamnya, yang membezakan antara yang benar dengan yang salah), supaya kamu mendapat petunjuk. (53)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 51-57)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/261) berkata, Allah SWT berfirman, “Hai Bani Israil, ingatlah akan nikmat-Ku yang Aku limpahkan kepada kamu, Aku maafkan kamu ketika kamu menyembah anak lembu sesudah pemergian Musa untuk memenuhi janji Tuhannya sesudah masa janji tersebut tiba, iaitu empat puluh malam.” Hal ini disebutkan dalam firman-Nya:

وَوَاعَدْنَا مُوسَى ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتَمَمْنَاهَا عِشْرِينَ

Maksud: Dan kami janjikan masa kepada Nabi Musa (untuk memberikan Taurat) selama tiga puluh malam, serta Kami genapkan jumlahnya dengan sepuluh malam lagi.

(Surah *al-A'raf*, 7: 142)

Menurut suatu pendapat, tiga puluh malam itu adalah bulan Zulkaedah, sedangkan yang sepuluh malam tambahannya jatuh pada bulan Zulhijah. Hal ini terjadi sesudah kaum Bani Israil selamat daripada peristiwa dikejar oleh Firaun dan tenteranya sehingga dapat menyeberangi laut dengan selamat.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/261) menambah bahawa firman Allah SWT dalam ayat tafsiran (وَإِذْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ) tentang kitab adalah merujuk kepada kitab Taurat. Sedangkan maksud (وَالْفُرْقَانَ), iaitu keterangan dan penjelasan yang membezakan antara perkara yang hak dan perkara yang batil, dan dapat membezakan antara jalan hidayahnya dan kesesatan. Selain itu, kalimah (لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ) bermaksud bahawa agar kamu mendapat petunjuk. Hal ini pun terjadi sesudah mereka diselamatkan dari laut, seperti yang ditunjukkan oleh konteks ayat dalam surat *al-A'raf* (7: 142) tadi, juga kerana firman-Nya:

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ مِنْ بَعْدِ مَا أَهْلَكْنَا الْقُرُونَ الْأُولَىٰ بَصَائِرَ  
لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٣﴾

Maksud: Dan demi sesungguhnya, Kami berikan kepada Nabi Musa Kitab Taurat sesudah Kami binasakan kaum yang lalu, untuk membuka hati dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat, semoga mereka beringat. (43)

(Surah *al-Qasas*, 28: 43)

Menurut suatu pendapat, huruf (الْوَاوُ) yang ada pada lafaz (وَالْفُرْقَانَ) merupakan huruf *za'idah*, iaitu tambahan. Oleh itu, makna yang dimaksudkan menjadi, “Dan sesungguhnya Kami berikan kepada Musa al-Kitab, iaitu Taurat yang membezakan antara yang hak dan yang batil.” Namun pendapat ini dianggap sebagai pendapat yang gharib. Menurut pendapat yang lain pula bahawa haruf waw tersebut ialah *waw ataf*, sekalipun makna kedua-duanya adalah sama.

### Surah *al-Baqarah* (2: 54)

Allah SWT dalam ayat seterusnya menjelaskan tentang hukuman yang dikenakan kepada golongan bani Israil yang menyembah anak lembu tersebut dengan menceritakan kisah selanjutnya melalui firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَاقَوْمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجَلَ فَتُوبُوا إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَاقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِنْدَ بَارِئِكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۗ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾

Maksud: *Dan (kenangkanlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya, “Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu; iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.” (54)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 54)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/261) menjelaskan bahawa dalam ayat ini disebutkan sifat penerimaan taubat dari Allah SWT ke atas kaum Bani Israil yang menyembah anak lembu tersebut.

Ayat ini menurut al-Hasan al-Basri adalah memetik kata-kata Nabi Musa AS yang menyatakan demikian untuk mengingatkan mereka kepada apa yang mereka lakukan, iaitu menyembah anak lembu seperti yang dilakukan oleh pendahulu mereka. Kisah mereka juga ada dinyatakan dalam ayat lainnya, iaitu melalui firman-Nya:

وَلَمَّا سَقَطَ فِي أَيْدِيهِمْ وَرَأَوْا أَنَّهُمْ قَدْ ضَلُّوا قَالُوا لَئِن لَّمْ يَرْحَمْنَا رَبُّنَا وَيَغْفِرْ لَنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

Maksud: *Dan setelah mereka menyesal (akan apa yang mereka lakukan) dan mengetahui bahawa mereka sesat, berkatalah mereka, “Sesungguhnya jika Tuhan kami tidak memberi rahmat kepada kami dan mengampunkan kami, nescaya menjadilah kami dari orang yang rugi”. (149)*

(Surah *al-A'raf*, 7: 149)

Yang demikian itulah yang dimaksud oleh Musa AS ketika ia menyatakan seperti apa yang dipetik oleh firman-Nya, “Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu (Surah *al-Baqarah*, 2: 54).

Abu al-'Aliyah dan Sa'id ibn Jubair serta al-Rabi' ibn Anas menyatakan mengenai makna firman-Nya, “maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu” (surah *al-Baqarah*, 2: 54), iaitu kepada Pencipta kamu. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/261) bahawa firman Allah SWT (إِلَىٰ بَارِئِكُمْ), yang bererti, “kepada Tuhan yang menciptakan kamu” sebenarnya terkandung pertunjuk yang menunjukkan bahawa dosa

yang mereka lakukan itu teramat besar. Dengan kata lain, bertaubatlah kamu kepada Tuhan yang menciptakan kamu, kerana kamu menyembah selain Dia bersama-Nya.

Ibn ‘Abbas RA dalam menghuraikan ayat tafsiran yang menyatakan bahawa Allah SWT berfirman bahawa sesungguhnya taubat yang harus dilakukan oleh mereka ialah dengan cara hendaknya setiap orang dari mereka yang menyembah anak lembu membunuh orang yang dijumpainya tanpa memandang apakah dia orang tua atau anaknya. Dia harus membunuhnya dengan pedang tanpa mempedulikan siapa yang dibunuhnya di tempat tersebut. Maka Allah SWT menerima taubat mereka yang menyembunyikan dosa mereka daripada Nabi Musa dan Nabi Harun, tetapi kemudian dinampakkan oleh Allah SWT, lalu mereka mengakui dosa mereka dan ingin melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada mereka. Kemudian Allah SWT memberikan keampunan kepada si pembunuh dan si terbunuh.”

Imam Ibn Jarir (2001: 1/679) menyatakan pandangan Ibn ‘Abbas yang menyatakan bahawa Musa AS berkata kepada kaumnya yang dipetik oleh firman-Nya, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu, iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah SWT yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani” (Surah *al-Baqarah*, 2: 54) bahawa Nabi Musa AS menyampaikan perintah Tuhannya kepada kaumnya, “hendaknya mereka membunuh diri mereka sendiri.” Ibn ‘Abbas melanjutkan kisahnya, bahawa Nabi Musa AS memanggil orang yang menyembah anak lembu, lalu mereka duduk, sedangkan orang yang tidak ikut menyembah anak lembu berdiri, kemudian mereka mengambil pisaunya masing-masing dan dipegang oleh tangan mereka. Sesudah itu terjadilah cuaca yang gelap gulita, lalu sebahagian dari mereka membunuh sebahagian yang lainnya. Ketika gelap lenyap dari mereka, ternyata orang yang terbunuh berjumlah tujuh puluh ribu orang. Semua orang yang terbunuh dalam kalangan mereka diterima taubatnya, dan semua orang yang masih hidup diterima pula taubatnya.

Imam Ibn Jarir (2001: 1/679) meriwayatkan maksud ayat (Surah *al-Baqarah*, 2: 54) daripada Sa‘id bin Jubair dan Mujahid yang menyatakan bahawa sebahagian dari mereka bangkit membunuh sebahagian yang lain dengan pisau, lalu sebahagian dari mereka membunuh sebahagian yang lain; seseorang tidak mempunyai belas kasihan terhadap kerabatnya, tidak pula terhadap orang lain. Hingga Nabi Musa AS mengisyaratkan dengan kain jubahnya, barulah mereka melemparkan semua senjata yang ada di tangannya. Ternyata jumlah mereka yang terbunuh ialah tujuh puluh ribu orang. Lalu Allah SWT menurunkan wahyu kepada Musa, “Hentikanlah, sudah cukup bagimu!” Yang demikian itu terjadi di saat Nabi Musa AS mengisyaratkan dengan kain jubahnya, iaitu bertujuan untuk menghentikan tindakan mereka. Riwayat ini juga sama dengan apa yang diriwayatkan oleh Sayidina Ali RA.

Qatadah menyatakan bahawa Musa AS memerintahkan kepada kaumnya untuk melakukan hal yang sangat berat, lalu mereka bangkit dan saling menyembelih dengan pisau yang tajam, sebahagian dari mereka membunuh sebahagian yang lain. Ketika pembalasan Allah SWT sudah cukup menimpa mereka, maka barulah pisau itu terjatuh dari tangan mereka dan berhentilah pembunuhan dalam kalangan mereka; lalu Allah SWT menerima taubat orang yang masih hidup dalam kalangan mereka, manakala yang terbunuh pula dianggap sebagai mati syahid.

Al-Hasan al-Basri menyatakan bahawa mereka tertimpa kabut yang sangat gelap, lalu sebahagian dari mereka membunuh sebahagian yang lain. Sesudah itu lenyaplah cuaca gelap yang menyelimuti mereka dan kemudian taubat mereka diterima.

Al-Suddi pula menyatakan sehubungan dengan tafsir firman-Nya yang bermaksud, “bunuhlah diri kamu” (surah *al-Baqarah*, 2: 54) ialah orang yang menyembah anak lembu tersebut hendaklah saling membunuh dengan orang yang tidak menyembahnya dan orang

yang gugur dari kedua belah pihak dianggap sebagai mati syahid. Ketika itu orang yang terbunuh adalah sangat banyak, iaitu hampir semuanya binasa dan terbunuh dengan jumlah mereka yang terbunuh ada tujuh puluh ribu orang. Kemudian Nabi Musa dan Nabi Harun berdoa kepada Allah, “Wahai Tuhan kami, Engkau membinasakan Bani Israil. Wahai Tuhan kami, tinggalkan sebahagiannya! tinggalkan sebahagiannya!” Lalu Allah SWT memerintahkan kepada mereka agar mencampakkan senjata mereka masing-masing dan menerima taubat mereka. Tersebutlah bahawa orang yang gugur dari kedua belah pihak dianggap sebagai mati syahid, sedangkan orang yang masih hidup diampuni dosa-dosanya. Yang demikian itu dinyatakan dalam firman-Nya, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.” (surah *al-Baqarah*, 2: 54).

Seterusnya al-Zuhri menyatakan bahawa tatkala Bani Israil diperintahkan membunuh diri mereka sendiri, maka mereka berperang dan Musa AS ada bersama mereka. Lalu pedang pun berlaga dan mereka saling tusuk-menusuk dengan pisau belati, sedangkan Nabi Musa AS berdoa mengangkat kedua tangannya. Ketika sebahagian dari mereka berhenti sejenak, maka mereka berkata, “Wahai Nabi Allah, berdoalah kepada Allah SWT untuk kami.” Lalu mereka memegang kedua lengan Nabi Musa AS dan menopang kedua tangannya agar terus berdoa. Keadaan mereka masih terus dalam keadaan berperang. Ketika Allah SWT menerima taubat mereka, maka barulah tangan mereka berhenti, tidak lagi saling membunuh antara satu sama lain, dan semua senjata mereka dilemparkan. Sedangkan Nabi Musa AS dan kaum Bani Israil merasa sedih melihat mereka yang terbunuh dalam kalangan mereka sendiri. Lalu Allah SWT berfirman kepada Musa AS, “Apakah yang membuatmu sedih? Orang yang terbunuh dalam kalangan mereka bahawa mereka hidup di sisi-Ku dengan diberi rezeki dan orang yang masih hidup, sesungguhnya Aku menerima taubat mereka.” Maka gembiralah Nabi Musa AS dan kaum Bani Israil kerana mendapat berita tersebut.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/263) seterusnya menceritakan tafsiran ayat daripada perspektif Ibnu Ishaq yang menyatakan, “Ketika Musa kembali kepada kaumnya dan membakar anak lembu itu, lalu menaburkan debunya di laut, kemudian ia berangkat bersama sebahagian kaum yang dipilihnya menuju kepada Tuhannya. Lalu mereka disambar petir, kemudian dihidupkan kembali. Kemudian Musa AS memohon keampunan daripada Tuhannya bagi kaum Bani Israil atas dosa mereka yang menyembah anak lembu. Maka Allah SWT menolaknya kecuali jika mereka membunuh diri mereka sendiri.” Seterusnya, Ibnu Ishaq melanjutkan kisahnya, “sampai kepadaku suatu kisah yang menyatakan bahawa kaum Bani Israil berkata kepada Musa, “Kami akan teguh kepada perintah Allah SWT.” Lalu Musa memerintahkan kepada orang yang tidak ikut menyembah anak lembu untuk membunuh orang yang menyembahnya. Kemudian mereka yang menyembah anak lembu duduk di suatu tanah lapang, lalu kaum yang tidak menyembah anak lembu menghunus pedangnya masing-masing dan membunuh mereka yang menyembahnya. Maka kaum wanita dan anak-anak berdatangan kepadanya, menangis seraya meminta maaf buat mereka. Lalu Allah SWT menerima taubat dan memaafkan mereka. Kemudian Allah SWT memerintahkan kepada Musa agar mereka menjatuhkan pedangnya masing-masing, iaitu menghentikan pembunuhan.”

Tafsiran ‘Abd al-Rahman ibn Zaid ibn Aslam pula menyatakan bahawa ketika Musa kembali kepada kaumnya dan antara kaumnya tersebut terdapat tujuh puluh orang kaum lelaki yang menyertai Nabi Harun dengan tidak ikut menyembah anak lembu. Maka Musa berkata kepada mereka, “Berangkatlah kamu ke tempat yang dijanjikan oleh Tuhan kamu!” Mereka menjawab, “Hai Musa, adakah tiada jalan lain untuk bertaubat.” Musa menjawab, “Tidak.” bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu (Surah *al-Baqarah*, 2: 54). Lalu mereka menghunus pedang, pisau belati, kapak, dan senjata lainnya.

Kemudian Allah SWT mengirimkan kabut kepada mereka, lalu mereka mencari-cari dengan tangannya masing-masing dan sebahagian dari mereka membunuh sebahagian yang lain. Saat itu seseorang menjumpai orang tua dan saudaranya, lalu ia membunuhnya tanpa ia ketahui. Dalam kegelapan itu mereka saling menyerukan, “Semoga Allah SWT mengasihani hamba yang bersikap sabar terhadap dirinya hingga memperoleh reda Allah SWT.” Orang yang gugur dalam peristiwa itu adalah orang yang mati syahid, sedangkan orang yang masih hidup diterima taubatnya. Kemudian ‘Abd al-Rahman ibn Zaid ibn Aslam membacakan firman-Nya: Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 54)

### Surah *al-Baqarah* (2: 55-56)

Seterusnya, Allah SWT menceritakan pula tentang kedegilan Bani Israil yang meminta untuk melihat Allah SWT ketika mereka menyertai Nabi Musa untuk bermunajat. Kisah mereka dirakamkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَىٰ اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّاعِقَةُ وَأَنْتُمْ  
تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾ ثُمَّ بَعَثْنَاكُمْ مِنْ بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾

Maksud: *Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata, “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami).” Maka kerana itu kamu disambar petir, sedang kamu semua melihatnya. (55) Kemudian kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau pengan dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur. (56)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 55-56)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/263) menjelaskan tafsiran ayat ini dengan memetik kata-kata Ibn Juraij bahawa Allah SWT berfirman, “Ingatlah akan nikmat-Ku yang Aku limpahkan kepada kamu, iaitu Aku hidupkan kamu kembali sesudah kamu mati kerana disambar halilintar. Hal ini berlaku ketika kamu meminta agar dapat melihat-Ku secara terang-terangan, padahal hal tersebut tidak akan mampu kamu lakukan dan tidak pula bagi orang seperti kamu.”

Menakala ayat ini menurut Ibn ‘Abbas RA menyatakan bahawa kaum bani Israil meminta untuk melihat dengan mata kepala mereka dengan kata-kata mereka yang dipetik oleh Allah SWT yang bermaksud, “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami).” (Surah *al-Baqarah*, 2: 55). Ayat ini juga bermaksud, “Kami akan beriman kepadamu apabila kami dapat melihat Allah SWT dengan terang. Kenyataan ini sama seperti perkataan Sayidina Qatadah dan al-Rabi‘ ibn Anas. Sedangkan al-Rabi‘ ibn Anas menambah bahawa mereka yang menyatakan demikian berjumlah tujuh puluh orang, iaitu mereka yang dipilih oleh Nabi Musa AS untuk sama-sama berangkat dengannya. Menurut al-Rabi‘ bin Anas lagi bahawa pada asalnya mereka hanya mendengar kalam Allah SWT sahaja, lalu mereka berkata, “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami).” (Surah *al-Baqarah*, 2: 55) Kemudian mereka mendengar suara pekikan yang dahsyat yang menyebabkan semua mereka mati.



Suara pekikan menurut Ibn Abbas dalam riwayat ini adalah merujuk kepada perkataan *al-Sa'iqah*. Namun perkataan ini diterjemahkan oleh banyak ahli tafsir sebagai berikut:

- (1) Marwan bin Hakam dan Ibn 'Abbas: Suara pekikan yang dahsyat dari langit.
- (2) Imam al-Suddi: Api yang turun dari langit.
- (3) Urwah ibn Ruwayyim: Halilintar.

Al-Suddi menyatakan bahawa firman-Nya, “Maka kerana itu kamu disambar petir (halilintar)” (surah *al-Baqarah*, 2: 55), lalu mereka mati. Maka berdirilah Nabi Musa seraya menangis dan berdoa kepada Allah SWT serta menyatakan, “Wahai Tuhanku, apakah yang akan aku katakan kepada Bani Israil jika aku kembali menemui mereka, sedangkan Engkau binasakan orang terpilih dari mereka.” Nabi Musa berkata pula yang dipetik oleh firman-Nya:

قَالَ رَبِّ لَوْ شِئْتَ أَهْلَكْتَهُمْ مِنْ قَبْلُ وَإِنِّي أَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ السُّفَهَاءُ مِنَّا

Maksud: *Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki, Engkau boleh binasakan mereka bersama-sama denganku sebelum ini. Adakah Engkau hendak membinasakan kami disebabkan apa yang dilakukan oleh orang yang bodoh antara kami?*

(Surah *al-A'raf*, 7: 155)

Kemudian Allah SWT menurunkan wahyu kepada Musa AS yang isinya menyatakan bahawa mereka yang tujuh puluh orang itu termasuk orang yang menyembah anak lembu. Sesudah itu Allah SWT menghidupkan mereka. Mereka hidup dan bangun seorang demi seorang, sedangkan sebahagian dari mereka melihat sebahagian yang lain dalam keadaan dihidupkan. Yang demikian itu adalah makna yang terkandung dalam firman-Nya, “Kemudian kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau pingsan dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur. (Surah *al-Baqarah*, 2: 56).

Al-Rabi' ibn Anas dan Sayidina Qatadah menyatakan bahawa kematian mereka itu merupakan hukuman bagi mereka. Kemudian mereka dihidupkan kembali sesudah mati untuk menghabiskan baki umur mereka.

Imam Ibn Jarir (2001: 1/696) meriwayatkan bahawa Muhammad ibn Ishaq yang menyatakan bahawa tatkala Musa kembali kepada kaumnya dan ia melihat apa yang mereka kerjakan, iaitu menyembah anak lembu, dan ia menyatakan apa yang dikatakannya kepada saudaranya (Nabi Harun), juga kepada Samiri, lalu ia membakar patung anak lembu itu dan menaburkan abunya ke laut, kemudian ia memilih tujuh puluh orang lelaki yang terbaik dalam kalangan kaumnya. Ia berkata kepada mereka, “Berangkatlah kamu ke tempat yang dijanjikan oleh Allah SWT, bertaubatlah kamu kepada-Nya atas apa yang kamu lakukan, dan mohonlah taubat kepada-Nya atas orang yang kamu tinggalkan di belakang kamu dalam kalangan kaummu. Berpuasalah kamu, bersucilah, dan bersihkanlah pakaian kamu.” Kemudian Musa AS berangkat membawa mereka menuju Bukit Tursina pada waktu yang dijanjikan oleh Allah SWT kepadanya. Musa tidak pernah datang kepada-Nya kecuali dengan seizin dan restu dari-Nya. Semua tujuh puluh orang itu ketika mereka melakukan apa yang diperintahkan oleh Nabi Musa dan mereka berangkat untuk bertemu Allah SWT, lalu mereka berkata kepada Musa, “Hai Musa, mohonkanlah bagi kami kepada Tuhanmu agar kami diperkenankan dapat mendengar kalam Tuhan kami.” Musa menjawab, “Baiklah.” Ketika Musa mendekati bukit tersebut, maka datanglah awan yang menaunginya hingga menutupi seluruh bukit, lalu Musa mendekat dan masuk ke dalam awan tersebut, sesudah itu ia berkata kepada kaumnya, “Mendekatlah kamu.” Musa

AS apabila diajak bicara oleh Allah SWT, maka memancarlah dari keningnya nur yang cemerlang, tiada seorang pun dari Bani Adam yang mampu memandangnya; maka Allah SWT membuat hijab (penutup) bagi nur tersebut. Lalu kaumnya pun datang mendekatinya. Ketika mereka masuk ke dalam awan tersebut, mereka tunduk sujud dan mereka mendengar suara Allah SWT yang sedang berbicara kepada Musa AS dengan memerintah dan melarangnya dengan ucapan, “Lakukanlah!” atau, “Janganlah kamu lakukan!” Ketika Allah SWT selesai berbicara kepada Musa, tersingkaplah awan tersebut, dan Musa menghadap ke arah mereka; ternyata mereka berkata kepada Musa AS seperti yang dipetik oleh firman-Nya, “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami).” (Surah *al-Baqarah*, 2: 55). Lalu mereka tertimpa dengan gempa dahsyat hingga semua mereka mati. Lalu Musa AS bangkit bermohon kepada Tuhannya dan berdoa, memohon kepadanya seraya berkata, seperti yang disebutkan oleh firman-Nya:

لَوْ شِئْتَ أَهْلَكْتَهُمْ مِنْ قَبْلِ وَائِيَّ

Maksud: *Jika Engkau kehendaki, Engkau boleh binasakan mereka bersama-sama denganku sebelum ini.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 155)

Ayat ini bermaksud bahawa mereka benar-benar tidak mengerti, apakah Engkau membinasakan orang yang berada di belakangku dalam kalangan Bani Israil kerana perbuatan orang yang bodoh dalam kalangan kami? Dengan kata lain, sesungguhnya hal ini merupakan kebinasaan bagi mereka. Aku memilih tujuh puluh orang terbaik dalam kalangan mereka agar aku kembali nanti bersama mereka, sedangkan sekarang tiada seorang pun dari mereka yang masih ada. Apakah yang menjadi bukti bagiku buat mereka agar mereka mahu percaya kepadaku dan beriman kepadaku sesudah peristiwa ini? Sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada Engkau.

Nabi Musa AS terus-menerus memohon kepada Tuhannya dan meminta hingga Allah SWT mengembalikan roh kepada mereka, lalu Musa AS memohon kepada Allah SWT keampunan dan taubat bagi Bani Israil yang menyembah anak sapi. Maka Allah SWT berfirman, “Tidak, kecuali jika mereka membunuh diri mereka sendiri.”

Ismail bin ‘Abd al-Rahman al-Saddi al-Kabir menyatakan, “Sesudah kaum Bani Israil bertaubat dari menyembah anak lembu dan Allah SWT menerima taubat mereka dengan cara sebahagian dari mereka membunuh sebahagian yang lain sesuai dengan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada mereka, lalu Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Musa agar datang membawa semua orang dalam kalangan Bani Israil untuk memohon maaf kepada Allah SWT atas penyembahan mereka terhadap anak lembu. Musa AS mengadakan suatu perjanjian dengan mereka, lalu memilih tujuh puluh orang dalam kalangan mereka, iaitu orang yang ditunjuknya secara tertentu. Kemudian ia berangkat bersama mereka untuk meminta maaf kepada Allah SWT. Hingga akhir hadis.”

Imam Al-Razi (1999: 3/521) dalam kitab tafsirnya menilai gharib kisah yang menceritakan perihal ketujuh puluh orang tersebut, iaitu sesudah mereka dihidupkan kembali oleh Allah, mereka berkata, “Hai Musa, sesungguhnya kamu tidak sekali-kali meminta sesuatu kepada Allah SWT melainkan Dia memberimu, maka doakanlah semoga Allah SWT menjadikan kami sebagai nabi-Nya.” Kemudian Musa AS berdoa memohon hal itu kepada Allah, dan Allah SWT memperkenankan doanya. Riwayat ini sangat gharib, kerana pada masa Nabi Musa tidak ada nabi lain kecuali Harun, kemudian Yusya‘ ibn Nun. Kaum ahli kitab keliru pula dalam dakwaan mereka yang menyatakan bahawa

mereka yang tujuh puluh orang itu melihat Allah SWT dengan terang-terangan. kerana sesungguhnya Musa yang diajak bicara oleh Allah SWT sendiri pernah meminta hal tersebut, tetapi ditolak, mana mungkin hai tersebut diperkenankan bagi mereka.

Pendapat kedua mengenai makna ayat ini disebutkan oleh ‘Abd al-Rahman ibn Zaid ibn Aslam dalam tafsir ayat ini, bahawa tatkala Musa kembali dari sisi Tuhannya kepada kaumnya dengan membawa *laub* yang padanya termaktub kitab Taurat, maka ia menjumpai mereka sedang menyembah anak lembu. Maka ia memerintahkan kepada mereka agar membunuh diri mereka sendiri dan mereka melakukannya, lalu Allah SWT menerima taubat mereka. Nabi Musa berkata kepada mereka, “Sesungguhnya lembaran ini berisikan Kitab Allah, dalamnya terkandung urusan kamu yang diperintahkan oleh Allah SWT dan larangan-Nya yang harus kamu jauhi.” Mereka bertanya, “Siapakah yang mahu percaya kepada perbincanganmu itu? Tidak, demi Allah, kecuali jika kami dapat melihat Allah SWT dengan terang hingga Allah SWT sendirilah yang menyerahkannya kepada kami, lalu Dia berfirman, “Inilah Kitab-Ku, maka ambillah oleh kamu!” Maka mengapa Allah SWT tidak mahu berbicara kepada kami sebagaimana Dia berbicara kepadamu hai Musa?” ‘Abd al-Rahman ibn Zaid membacakan firman-Nya, “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami).” (Surah *al-Baqarah*, 2: 55) dan beliau melanjutkan kisahnya bahawa sesudah itu Allah SWT murka, lalu halilintar menyambar hingga semuanya mati. Sesudah itu Allah SWT menghidupkan mereka kembali. ‘Abd al-Rahman ibn Zaid membacakan firman-Nya, “Kemudian kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau pangsang dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur. (Surah *al-Baqarah*, 2: 56). Setelah itu, Nabi Musa AS berkata kepada mereka, “Ambillah Kitabullah ini!” Mereka menjawab, “Tidak.” Musa AS berkata, “Apakah yang menimpa kamu?” Mereka menjawab, “Kami mengalami mati, kemudian kami dihidupkan kembali.” Musa AS berkata, “Terimalah Kitab Allah ini.” Mereka menjawab, “Tidak.” Maka Allah SWT mengiriskan malaikat, lalu malaikat mencabut bukit dan mengangkatnya di atas mereka. Konteks riwayat ini menunjukkan bahawa mereka dikenakan paksaan untuk mengamalkan kitab itu sesudah mereka dihidupkan kembali.

Al-Mawardi meriwayatkan dua pendapat sehubungan dengan masalah ini, iaitu:

- (1) Taklif, iaitu paksaan tersebut tidak ada, mengingat mereka menyaksikan perkara tersebut secara terang-terangan, sehingga terpaksa mereka mempercayainya.
- (2) Mereka dikenakan taklif agar tiada seorang pun yang berakal melainkan terkena taklif.

Imam Al-Qurtubi (2003: 1/403) menyatakan bahawa pendapat yang kedua inilah yang benar, kerana kesaksian mereka terhadap perkara yang menakjubkan bukan bererti menggugurkan taklif dari bahu mereka. Hal ini mengingatkan bahawa kaum Bani Israil memang menyaksikan banyak perkara besar yang bertentangan dengan hukum alam. Akan tetapi, sekalipun demikian mereka tetap dikenakan taklif dalam hal tersebut.

### **Surah *al-Baqarah* (2: 57)**

Allah SWT seterusnya mengingatkan kaum Bani Israil bahawa di sebalik kedegilan dan kegilaan mereka dalam kes penyembahan lembu dan keinginan mereka untuk melihat Allah SWT dengan mata mereka sendiri bahawa Allah SWT tetap memberikan mereka pelbagai nikmat daripada langit yang berupa *Manna* dan *Salwa*. Firman-Nya:

وَوَضَّلْنَا عَلَيْكُمْ الْغَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّ وَالسَّلْوَىٰ <sup>ص</sup> كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا  
رَزَقْنَاكُمْ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾

Maksud: Dan Kami menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa", (serta Kami berfirman), "Makanlah dari makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu." Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri. (57)

(Surah al-Baqarah, 2: 57)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/266) menjelaskan bahawa sesudah Allah SWT menyebutkan perihal kemurkaan-Nya sehingga Allah SWT menghapuskan mereka, maka Allah SWT kembali mengingatkan mereka akan limpahan nikmat yang diberikan oleh-Nya kepada mereka. Untuk itu Allah SWT berfirman:

وَوَضَّلْنَا عَلَيْكُمْ الْغَمَامَ

Maksud: Dan Kami menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir)

(Surah al-Baqarah, 2: 57)

*Al-gamam* (الْغَمَامَ) adalah perkataan jamak daripada kalimah mufrad *gamamah* (غَمَامَةٌ); dinamakan *gamamah* kerana keadaan awam yang menutupi langit, ertinya awan putih. Mereka dinaungi oleh awan agar terhindar dari sengatan panas matahari padang pasir yang sangat terik. Imam Nasai dan lain-lainnya meriwayatkan dari Ibn 'Abbas dalam hadis al-Futun, bahawa mereka dinaungi oleh awan ketika berada di padang pasir.

Al-Hasan dan Qatadah menyatakan sehubungan dengan makna firman Allah SWT, "Dan Kami menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir)" bahawa hal ini terjadi di padang pasir, iaitu mereka dinaungi oleh awan tersebut hingga terhindar dari teriknya matahari. Imam Ibn Jarir (2001: 1/698) dan lain-lainnya menyatakan bahawa awan tersebut lebih sejuk dan lebih baik daripada awan biasa.

Ibnu Abu Hatim meriwayatkan daripada kata-kata Imam Mujahid berhubung dengan makna firman Allah SWT ini bahawa yang dimaksud dengan awan di sini bukanlah awan yang Allah SWT datangkan dengannya kelak pada hari kiamat, melainkan awan yang khusus hanya bagi mereka. Seakan-akan ayat ini dimaksudkan bahawa hanya Allah SWT yang mengetahuinya bahawa awan tersebut bukanlah seperti awan yang ada pada manusia melainkan jauh lebih indah dan lebih semerbak serta lebih baik pemandangannya.

Sunaid dalam kitab tafsirnya menyatakan bahawa Ibn 'Abbas pernah menyatakan sehubungan dengan tafsir firman-Nya, "Dan Kami menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir)" (Surah al-Baqarah, 2: 57) bahawa awan tersebut lebih sejuk dan lebih semerbak baunya daripada awan biasa. Awan inilah yang Allah SWT datang dengan memakainya, seperti yang dinyatakan dalam firman-Nya:

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَهُمُ اللَّهُ فِي ظُلَلٍ مِّنَ الْغَمَامِ وَالْمَلَائِكَةُ

Maksud: *(Orang yang ingkar itu) tidak menunggu melainkan kedatangan (azab) Allah kepada mereka dalam lindungan-lindungan awan, bersama-sama dengan malaikat (yang menjalankannya).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 210)

Awan inilah yang para malaikat datang dengan membawanya dalam Perang Badar. Ibn ‘Abbas menyatakan, awan tersebutlah yang menaungi mereka, iaitu kaum Bani Israil ketika di padang pasir.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/266) seterusnya melanjutkan tafsiran dalam firman Allah SWT:

وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْمَنَّاءَ

Maksud: *Dan Kami turunkan kepada kamu ‘Mann’*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 57)

Keterangan para ahli tafsir berbeza-beza sehubungan dengan hakikat dari *manna* ini, iaitu:

- (1) Ibn ‘Abbas: Sesuatu yang turun pada mereka di pohon dan pokok, lalu mereka menaikinya dan memakannya dengan sepuas-puasnya.
- (2) Mujahid: Getah.
- (3) Ikrimah: Sesuatu makanan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada mereka seperti hujan gerimis.
- (4) Qatadah: Sesuatu yang turun di tempat mereka berada seperti turunnya salji. Bentuknya lebih putih daripada susu dan rasanya lebih manis daripada madu.
- (5) Al-Rabi' bin Anas: Minuman yang diturunkan kepada kaum Bani Israil, rupanya seperti madu. Mereka mencampurnya dengan air dan meminumnya.
- (6) Wahb bin Munabbih: Roti lembut seperti biji jagung atau seperti dedak.
- (7) Amir al-Sha'bi: Madu kamu ini merupakan sepertujuh puluh dari *manna*. Hal yang sama dikatakan pula oleh
- (8) ‘Abd al-Rahman bin Zaid bin Aslam: Madu.

Al-Suddi menyatakan bahawa mereka berkata, “Hai Musa, bagaimanakah kami dapat hidup di sini tanpa ada makanan?” Maka Allah SWT menurunkan *manna* kepada mereka. *Manna* itu turun, lalu terjatuh pada pohon *zanjabil* (الزَّنْبِيل), iaitu pohon halia. Sedangkan Sayidina Qatadah menyatakan bahawa *manna* turun kepada mereka mulai dari terbitnya fajar hingga matahari terbit. Seseorang dari mereka hanya boleh mengambil sekadar apa yang cukup bagi keperluannya pada hari itu. Apabila ia mengambil lebih dari itu, maka *manna* menjadi busuk dan tidak berbaki. Akan tetapi, bila hari yang keenam tiba, iaitu hari Jumaat, maka seseorang boleh mengambil keperluannya daripada *manna* untuk hari itu dan hari esoknya, memandangkan pada keesokkan harinya adalah hari Sabtu. Hal ini demikian kerana hari Sabtu merupakan hari cuti buat kaum bani Israil. Tiada seorang pun yang bekerja pada hari itu untuk menyara kehidupan mereka, hal ini semua terjadi di daratan.

Tujuan utama dari semuanya dapat disimpulkan bahawa ungkapan para ahli tafsir mengenai hakikat *manna* berdekatan dan tidak terlalu jauh. antara mereka ada yang menafsirkannya sebagai minuman. Akan tetapi, kenyataannya hanya Allah SWT yang mengetahui. Ringkasnya *manna* adalah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada

Bani Israil baik berupa makanan atau minuman atau lainnya yang dihasilkan tanpa susah payah. *Manna* yang dikenal ialah jika dimakan dengan sendirinya, maka merupakan makanan dan manis; jika dicampur dengan air, maka merupakan minuman yang enak; jika dicampur dengan lainnya merupakan jenis yang lain'. Akan tetapi, hal ini semata bukanlah makna yang dimaksud oleh ayat. Sebagai dalilnya ialah sebuah riwayat yang diketengahkan oleh Imam Al-Bukhari (2001: 4478) dan Muslim (t.th.: 2049).

عَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "الْكَمَاءُ مِنَ الْمَنِّ، وَمَاؤُهَا شِفَاءٌ لِلْعَيْنِ."

Maksud: Sa'id bin Zaid RA yang menceritakan bahawa Nabi SAW pernah bersabda: al-Kam'at berasal dari manna. Dan airnya mengandung ubat penawar bagi mata.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Penerangan lanjut tentang *manna* boleh dilihat juga dalam hadis riwayat Imam Al-Tirmidhi (1998: 2066):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "الْعَجْوَةُ مِنَ الْجَنَّةِ، وَفِيهَا شِفَاءٌ مِنَ السَّمِّ، وَالْكَمَاءُ مِنَ الْمَنِّ وَمَاؤُهَا شِفَاءٌ لِلْعَيْنِ"

Maksud: Abu Hurairah RA yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: Ajwah (buah kurma masak) berasal dari syurga, dalamnya terkandung ubat penyembuh dari keracunan; dan jamur kam'ah berasal dari manna, airnya mengandung ubat penyembuh bagi (penyakit) mata.

(Al-Tirmidhi)

Kemudian Imam Imam Al-Tirmidhi (1998: 2068) membawakan satu lagi hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ قَالُوا: الْكَمَاءُ جُدْرِي الْأَرْضِ، فَقَالَ نَبِيُّ اللَّهِ ﷺ: "الْكَمَاءُ مِنَ الْمَنِّ، وَمَاؤُهَا شِفَاءٌ لِلْعَيْنِ، وَالْعَجْوَةُ مِنَ الْجَنَّةِ وَهِيَ شِفَاءٌ مِنَ السَّمِّ."

Maksud: Abu Hurairah RA yang menceritakan bahawa para sahabat Nabi SAW menyatakan, "Kam'ah merupakan akar yang ada dalam tanah." Maka Nabi SAW bersabda: Kam'ah berasal dari manna, airnya mengandung ubat penyembuh bagi penyakit mata. Dan ajwah berasal dari syurga, ia mengandung ubat penawar untuk racun.

(Al-Tirmidhi)

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/266) menjelaskan pula mengenai *salwa* dengan mengambil beberapa pendapat, iaitu:

- (1) Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud, dan sejumlah para sahabat: Sejenis burung yang mirip dengan burung *sumani* yang biasa mereka makan.

- (2) Ikrimah: Sejenis burung seperti burung yang kelak ada di syurga, bentuknya lebih besar daripada burung pipit atau sama dengannya.
- (3) Qatadah: Sejenis burung yang berbulu merah yang datang digiring oleh angin selatan. Seorang lelaki dalam kalangan mereka menyembelih sebahagian darinya dalam kadar yang cukup untuk keperluan hari itu; dan apabila ia melampaui batas dalam pengambilannya, maka daging burung itu membusuk dan tidak berbaki, tetapi jika mereka berada pada hari yang keenam, iaitu hari Jumaat, maka mereka mengambil bahagian untuk keperluan hari itu dan hari esoknya, iaitu hari keenam dan hari ketujuh. Hal ini kerana hari yang ketujuh atau hari Sabtu merupakan hari cuti mereka. Tiada seorang pun yang bekerja pada hari itu dan tiada seorang pun yang mencari sesuatu padanya.
- (4) Wahb bin Munabbih: Burung yang gemuk seperti burung merpati. Burung tersebut datang kepada mereka dengan berbondong-bondong dari Sabtu ke Sabtu yang lainnya, kemudian mereka mengambil sebahagian darinya.

Dalam riwayat yang lain dari Wahb bin Munabbih bahawa disebutkan bahawa kaum Bani Israil meminta kepada Musa AS agar diberi daging, lalu Allah SWT berfirman, "Aku benar-benar akan memberi mereka makan berupa daging yang paling sedikit didapati di muka bumi." Kemudian Allah SWT mengirinkan angin kepada mereka, lalu berjatuhlah salwa di tempat tinggal mereka. Salwa tersebut adalah sumani yang berbondong-bondong terbang setinggi tombak. Mereka menyimpan daging burung sumani itu untuk keesokan harinya, tetapi daging itu membusuk dan roti pun menjadi basi.

Al-Saddi menyatakan bahawa tatkala Bani Israil memasuki padang Sahara, mereka berkata kepada Musa AS, "Bagaimana kami dapat bertahan di tempat seperti ini? Di manakah makanannya?" Maka Allah SWT menurunkan *manna* kepada mereka. *Manna* turun kepada mereka berjatuh di atas pohon halia. Sedangkan salwa adalah sejenis burung yang bentuknya mirip dengan burung sumani, tetapi lebih besar sedikit.

Seseorang dari mereka bila menangkap burung salwa itu terlebih dahulu mereka melihatnya. Jika burung yang ditangkapnya itu gemuk, maka mereka menyembelihnya; tetapi jika kurus, mereka melepaskannya. Jika gemuk, maka burung itu baru ditangkap. Mereka berkata (kepada Musa AS), "Burung ini makanannya, manakah minumannya pula?" Maka Allah SWT memerintahkan kepada Musa AS untuk memukulkan tongkatnya pada sebuah batu besar. Sesudah batu itu dipukul dengan tongkatnya, memancarlah dua belas mata air yang mengalir, hingga tiap-tiap puak dari Bani Israil mempunyai mata air mereka sendiri. Mereka berkata lagi, "Air ini minuman, maka manakah naungannya?" Lalu mereka dinaungi oleh awan, dan mereka berkata lagi, "Awan ini naungan, manakah pakaiannya?" Tersebutlah bahawa pakaian mereka tahan lama dan tidak robek-robek. Yang demikian itu disebutkan dalam firman-Nya, Dan Kami menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa". (Surah *al-Baqarah*, 2: 57) dan firman Allah SWT yang menceritakan tentang pancaran air

وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ فَقُلْنَا أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ ۖ فَانفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا  
عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ

Maksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: "Pukulah batu itu dengan tongkatmu", (ia pun memukulnya), folalu

*terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 60)

Ibn ‘Abbas RA pernah menyatakan bahawa Allah SWT menciptakan bagi Bani Israil di padang pasir dengan pakaian yang tahan koyak dan tahan daripada kekotoran.

Ibnu Juraij menyatakan, “Seorang lelaki (dari kalangan mereka) apabila mengambil *manna* dan salwa dalam jumlah lebih dari keperluan seharinya, maka *manna* dan salwa itu membusuk. Hanya saja pada hari Jumat mereka mengambil makanan dalam jumlah lebih kerana untuk hari Sabtunya, dan pada pagi hari Sabtu makanan tersebut tidak rusak.” Ibnu Atiyyah menyatakan bahawa salwa adalah sejenis burung, menurut kesepakatan ulama Mufassirin. Kelirulah al-Huzali yang menyatakan dalam bait syairnya bahawa salwa itu adalah madu.

Imam Al-Qurtubi (2003: 1/407) menyatakan, pengakuan yang mendakwakan adanya kesepakatan bahawa salwa adalah sejenis burung adalah tidak sah. Hal ini kerana Mu’arrij, iaitu salah seorang ulama bahasa dan tafsir menyatakan bahawa salwa adalah madu. Menurut Mu’arrij, memang demikianlah sebutan salwa dalam dialek Kinanah memandangkan pula madu merupakan minuman yang lazat sebagaimana penggunaan perkataan *ainun silwan* (عَيْنُ السَّلْوَانِ), iaitu bererti mata air yang menyegarkan. Hal yang sama sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Jauhari yang menyatakan bahawa salwa adalah madu. Terdapat juga penggunaan perkataan al-sulwanah (السَّلْوَانَةُ), yang bererti *kharzah* (خَرَزَةٌ), iaitu bererti sebuah bekas air. Mereka menyatakan, apabila dituangkan air hujan, lalu diminum oleh seseorang yang sedang dimabuk asmara, maka ia akan lupa kepada segala-galanya. Maka, nama air yang diminum dengan memakai bekas air tersebut adalah *sulwan*. Sebahagian orang menyatakan bahawa *sulwan* merupakan ubat penawar yang dapat menyembuhkan kerana lupa kepada kesedihan. Para tabib menamakannya dengan sebutan *al-mufarrih* (المُفْرِح), iaitu yang memberi kegembiraan. Mereka juga menyatakan bahawa salwa adalah bentuk jamak. Sedangkan bentuk tunggalnya pun sama. Hal ini sebagaimana juga dengan perkataan sumani yang bentuk tunggal dan jamaknya adalah sama. Namun terdapat juga yang mengatakan bahawa salwa adalah bentuk jamak, sedangkan bentuk tunggalnya adalah *waili*.

Imam Kisai menyatakan bahawa salwa adalah bentuk tunggal, sedangkan bentuk jamaknya adalah salawi (سَلَاوِي). Semua pendapat di atas dinukil oleh al-Qurtubi.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/273) meneruskan tafsiran ayat dalam firman Allah SWT:

كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

Maksud: *Makanlah dari makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 57)

Perintah dalam ayat ini mengandung makna keharusan, pengarahan, dan sebagai anugerah. Sedangkan mengenai firman-Nya:

وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِنْ كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾



Maksud: *Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri. (57)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 57)

Makna yang dimaksud dengan ayat sebelumnya, yaitu “Kami perintahkan mereka untuk memakan rezeki yang Kami berikan kepada mereka, dan hendaklah mereka beribadah (kepada-Nya)”. Hal ini seperti pengertian yang terdapat pada ayat lainnya, yaitu firman-Nya:

كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ

Maksud: *Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya*

(Surah *Saba'*, 34: 15)

Akan tetapi, mereka, yaitu kaum Bani Israil menentang dan kafir, sehingga jadilah mereka orang yang menganiaya dirinya sendiri, padahal mereka menyaksikan dengan mata kepalanya sendiri semua tanda kebesaran Allah SWT yang jelas, mukjizat yang pasti, dan hal yang bertentangan dengan hukum alam.

Ringkasnya, nampak jelas keutamaan para sahabat Nabi Muhammad SAW yang berada di atas semua sahabat para nabi yang lainnya dalam hal kesabaran, keteguhan, dan ketegaran mereka yang tidak pernah surut. Padahal mereka selalu bersamanya dalam semua perjalanan dan peperangan, antara lain ialah dalam Perang Tabuk yang situasinya sangat panas dan melelahkan. Sekalipun demikian, mereka tidak pernah meminta kepada Nabi SAW meminta sesuatu hal yang bertentangan dengan hukum alam dan hal yang aneh, padahal hal tersebut amatlah mudah bagi Nabi SAW. Hanya ketika mereka rasa lapar sangat yang melemahkan tubuh mereka, mereka meminta kepada Nabi SAW agar makanan yang mereka bawa diperbanyak atau diberikan keberkatan. Untuk itu, mereka mengumpulkan semua makanan yang ada pada mereka, lalu terkumpullah makanan yang jumlah keseluruhannya sama dengan tinggi seekor kambing yang sedang duduk istirahat. Kemudian Nabi SAW berdoa agar makanan tersebut diberkati, ternyata akhirnya mereka dapat memenuhi semua bekas makanan yang mereka bawa.

Demikian pula ketika mereka memerlukan air, Nabi bermohon kepada Allah SWT, lalu datanglah awan yang terus menghujani diri mereka. Akhirnya mereka minum dan memberi minum ternak mereka hingga dapat memenuhi wadah air minum yang mereka bawa. Kemudian mereka melihat keadaan hujan tersebut, ternyata hujan tidak melampaui batas pasukan kaum Muslimin berkemah. Terbukti bahwa para sahabat Rasulullah SAW ialah golongan lebih utama dan lebih sempurna. Mereka menunjukkan keikhlasan dalam mengikuti Nabi SAW, padahal Allah SWT berkuasa untuk memenuhi apa yang diminta oleh Rasulullah SAW buat pasukan kaum Muslimin yang mengikuti Baginda SAW ketika itu.

## PENGAJARAN AYAT

Sekalipun ayat yang dibincangkan oleh Allah SWT adalah menceritakan berkaitan dengan Kaum Bani Israil yang beragama dengan agama Yahudi, namun pengajaran ayat juga boleh diambil oleh umat manusia khususnya kalangan umat Islam.

### **Sifat Yahudi yang Sangat Mudah Kufur kepada Tuhan**

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada kisah Bangsa Yahudi dalam peristiwa anak lembu dari segi bahawa kaum Bani Israil ditunjukkan dengan pelbagai mukjizat Nabi Musa AS bagi membuktikan kebenaran ajaran Nabi Musa AS (Ibn al-Kathir, 1999: 1/261). Namun, walaupun mereka baru ditinggalkan oleh baginda selama 40 hari (Surah *al-Baqarah*, 2: 51; Surah *al-A'raf*, 7: 142), mereka sudah menjadi penyembah berhala anak lembu (Surah *al-Baqarah*, 2: 51). Hal ini menunjukkan bahawa kaum Yahudi yang menjadi penyembah berhala tersebut pada hakikatnya tidak ikhlas tentang keimanan mereka kepada Allah SWT dan Nabi Musa AS. Oleh itu, sebagai seorang Muslim dalam kalangan umat Muhammad SAW, umat Islam wajar memahami hakikat akidah sebenar sebagai Muslim yang tidak terdapat unsur syirik dalam peribadatan dan penyembahan serta tidak mudah untuk tertipu dalam penyembahan berhala.

### **Dosa Penyembahan Berhala Merupakan Dosa yang Sangat Besar**

Umat Islam wajib mengambil pengajaran daripada kisah penyembahan anak lembu, bahawa dosa menyembah apa-apa sahaja bentuk berhala adalah merupakan satu dosa yang sangat besar (surah *al-Baqarah*, 2: 54; Ibn al-Kathir, 1999: 1/261). Kaum Bani Israil yang terlibat dengan dosa itu diminta bertaubat dengan saling membunuh antara satu sama lain. Begitulah juga dengan dosa ini bagi umat Islam, dosa ini tidak terampun yang menyebabkan mereka disiksa kerana pernah menyembah selain daripada Allah SWT (Surah *al-An'am*, 6:71).

### **Melihat Perintah Allah SWT sebagai Perintah daripada Pemilik Sebenar Alam**

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada perintah Allah SWT kepada Bani Israil untuk saling bunuh membunuh antara satu sama sebagai hukuman daripada kesalahan mereka menyembah anak lembu (surah *al-Baqarah*, 2: 54; Ibn Jarir, 2001: 1/679; Ibn al-Kathir, 1999: 1/263). Hal ini kerana, perintah yang datang daripada pemilik alam ini, iaitu Allah SWT sekalipun berat dan tidak diketahui hikmahnya, Namun tetap akan memberikan kebaikan kepada sesiapa yang diperintahkan. Buktinya, sekalipun mereka mati, mereka dimasukkan dalam golongan orang syahid. Manakala orang yang masih hidup pula diampunkan dosa mereka kerana sanggup mengikut perintah Allah SWT sebagai satu cara untuk bertaubat (surah *al-Baqarah*, 2: 54). Hal yang sama juga dalam semua hal yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada umat Islam dan umat manusia dalam al-Quran. Semua perintahnya dan larangannya, pada hakikatnya semua akan memberikan kebaikan kepada yang melaksanakannya sekalipun pada pandangan manusia adalah berat dan membebankan.

### **Zat Allah SWT Tidak Boleh Dilihat di Dunia**

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada peristiwa kedegilan Bani Israil untuk melihat Allah SWT ketika di dunia. Kedegilan mereka untuk melihat Allah SWT ketika di dunia menyebabkan mereka pengsan dan mengikut banyak pendapat mereka mati diazab kerana disambar petir sekalipun mereka kemudiannya dihidupkan dan dibangunkan semula oleh Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 55-56; Ibn al-Kathir, 1999: 1/263). Berdasarkan peristiwa ini, seseorang itu ketika bermohon tidak boleh meminta sesuatu yang menyalahi dalil al-Quran dan sunah sebagaimana kes melihat Allah SWT tidak dibolehkan oleh al-Quran (surah *al-An'am*, 6: 103; surah *al-A'raf*, 7: 143).

### **Perlindungan Awan serta al-Manna dan Salwa Buat Bani Israil**

Umat Islam wajar mengambil pengajaran daripada ayat ini bahawa pelbagai nikmat yang diberikan oleh Allah SWT kepada Bani Israil dalam bentuk perlindungan awam daripada panas terik matahari serta diberikan mereka makanan dan minuman yang baik al-Manna dan Salwa serta lain-lain nikmat yang diceritakan oleh Allah SWT sebelum ayat ini (surah *al-Baqarah*, 2: 57). Semua ini belum tentu menjamin keutuhan keimanan sekiranya hati seseorang manusia tidak ikhlas menerima Allah SWT sebagai Tuhan yang satu-satu disembah serta rasul yang diutus untuk diimani dan diyakini ajarannya. Terbukti, sekalipun terdapat banyak mukjizat yang ditunjukkan kepada kaum Bani Israil di hadapan mereka, mereka masih banyak mempersoalkan sesuatu yang tidak perlu dipersoalkan lagi. Sebagai contoh persoalan tentang keinginan mereka untuk melihat Allah SWT sedangkan mereka sudah diberi peluang untuk mendengar kalam Allah SWT bersama dengan Nabi Musa. Begitu juga dengan permintaan mereka untuk mendapat lindungan awam dan makanan dan minuman di padang pasir, maka Allah SWT memperkenankan permintaan mereka, namun mereka masih kufur dengan menyembah berhala anak lembu. Sedangkan mukjizat kebenaran sudahpun dilihat dan berlaku di hadapan mata mereka.

### **Al-Kam'at dan Kurma Ajwa Merupakan Anugerah Allah SWT kepada Umat Manusia**

Umat manusia wajar mengambil pengajaran daripada tafsiran ayat melalui hadis Rasulullah yang sahih bahawa kedua-dua al-Kam'at dan Kurma Ajwa merupakan makanan yang dianugerahkan oleh Allah SWT buat merawat penyakit. Al-Kam'at yang dibuat jus sangat sesuai untuk membaiki sakit mata. Sedangkan kurma ajwa adalah penawar segala jenis racun (Al-Bukhari, 2001: 4478; Muslim, t.th.: 2049; Al-Tirmidhi, 1998: 2066). Al-Kam'at merupakan akar kayu yang tertanam dalam tanah. Al-Kam'at ini khasiatnya sama seperti al-manna yang pernah diberikan kepada Bani Israil (Ibn al-Kathir, 1999: 1/266).

## RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijri al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 50-57)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-48)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.